



## SIARAN MEDIA

### PROGRAM BUAL BICARA SELANGKAH KE INDUSTRI

PUTRAJAYA, 5 APRIL -- Program Bual Bicara 'Business Talk Selangkah Ke Industri' yang dirasmikan oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, hari ini merupakan satu usaha bagi membuka peluang kepada lepasan graduan dan belia untuk terlibat di dalam industri agromakanan.

Menerusi inisiatif Jabatan Pertanian ini, lepasan graduan dan belia ini ditemukan dengan pemain-pemain industri yang berpengalaman dalam mewujudkan peluang pekerjaan menerusi konsep kontrak ladang di antara penanam (*contract growers*) dan syarikat-syarikat peneraju (*anchor companies*) bagi tanaman terpilih.

Pada hari ini, Jabatan Pertanian berjaya menemukan tiga *anchor companies* iaitu Syarikat Beho Supply Sdn Bhd, Exotic Star Sdn Bhd, dan Greenheart Farm Sdn Bhd dengan 150 orang belia yang terdiri daripada graduan Institut Pengajian Tinggi Awam, Institut Pengajian Tinggi Swasta, Sijil Pertanian dan Sijil Kemahiran Malaysia di bawah MAFI.

Jabatan Pertanian mensasarkan peserta yang menyertai kontrak ladang ini akan dapat anggaran pendapatan RM5,000 - RM10,000 sebulan bergantung kepada saiz tanah dan jenis tanaman yang diusahakan.

Pada ucapan perasmian, Ronald menyatakan pada tahun ini, Jabatan Pertanian mensasarkan seramai 500 orang *contract growers* akan menandatangani kontrak dengan 8 *anchor companies* yang akan mewujudkan lebih 1,000 peluang pekerjaan. Nilai perniagaan untuk kontrak ladang ini disasarkan melebihi 60 juta ringgit setahun.

Program bual bicara ini akan diadakan dalam beberapa siri pada tahun ini bersama syarikat yang lain memandangkan sambutan yang menggalakkan daripada golongan belia sehingga mencapai 364 penyertaan dalam siri pertama ini.

Pada sidang media selepas majlis itu, Ronald berkata pelaksanaan program ini perlu dipuji yang dianjurkan oleh Jabatan Pertanian yang menemukan antara *contract growers* dengan pihak industri.

"Kita sering mendengar anak-anak muda yang ada keluhan tetapi mereka tidak tahu apa yang ingin dilakukan. Sebab itu kita adakan program ini bagi menemukan dan

membuka peluang pertanian kepada anak-anak muda yang mempunyai kemahuan untuk memulakan kehidupan sebagai agropreneur muda dalam industri agromakanan ini.

“Kita melihat banyak peluang untuk boleh didapati daripada penglibatan industri ini sebagai *contract growers*, *service providers*, sektor pemasaran (e-commerce) dan sebagainya. Di peringkat hulu iaitu penanaman atau pengeluaran pun berbagai peluang yang boleh diceburi anak muda yang berpotensi untuk menjadi usahawan yang berjaya,” katanya.

Tambah beliau, MAFI menerusi agensinya termasuk Jabatan Pertanian dan Agrobank menyediakan pelbagai kemudahan, bantuan dan pembiayaan bagi membantu mereka yang berminat termasuk golongan muda yang mahu terlibat dalam keusahawanan pertanian termasuk program *Agro-Youth Entrepreneur Scheme* (Agro-YES) yang dilancarkan baru-baru ini.

**Disediakan oleh:  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
5 APRIL 2021**